

**Kuala Lumpur**

### **253 projek perumahan terbengkalai**

Sebanyak 253 projek perumahan swasta disahkan terbengkalai di seluruh Semenanjung dari 2009 hingga 28 Julai lalu, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar berkata, daripada jumlah itu sebanyak 190 projek atau 75 peratus berjaya diselesaikan oleh kementerian, sekali gus memberi manfaat kepada 34,451 pembeli rumah.

Katanya, sebanyak 15 projek lagi (enam peratus) sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan atau pembinaan dan baki 48 projek (19 peratus) dalam perancangan awal pemulihan.